

**WEBINAR MADE EASY SIRI 9**



# **Sesi Perkongsian Tuntutan Perjalanannya Bersama MSF**



**10 APRIL 2020 (JUMAAT)**


**11.00 PAGI**

**SPEAKER: CIK WAN NORHANI WAN KHALID**

# **PEKELILING PERBENDAHARAAN (PP) WP1.4**

**KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN  
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA MENJALANKAN  
TUGAS RASMI (TIDAK TERMASUK TENTERA DAN POLIS)**

# KEMUDAHAN DI BAWAH PP WP1.4



## TAFSIRAN IBU PEJABAT (PARA 2.2)

- Tempat biasa seseorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas. Jarang yang dibenarkan membuat tuntutan ialah
- **25 km – jalan raya**
- **16 km – jalan tanah (dilalui kenderaan bermotor)**
- **8 km – jalan basikal/sungai**

## TAFSIRAN PEGAWAI (PARA 2.3)

- **Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan & Negeri.**
- **Dilantik secara tetap & sementara.**

## TAFSIRAN TUGAS RASMI (PARA 2.5)

**Tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat selain menghadiri kursus yang dibenarkan.**

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN (PARA 4)

Pastikan tuntutan pegawai:  
**teratur, munasabah dan berpatutan.**

Sediakan **garis panduan dalaman** yang sesuai sebagai kawalan dalaman untuk elak pembaziran.



## TANGGUNGJAWAB PEGAWAI (PARA 5)

Tuntutan yang dikemukakan:  
**teratur, munasabah dan patuhi peraturan.**



# BERTUGAS RASMI DALAM NEGERI

## 1) ELAUN MAKAN (PARA 5.1)

Layak tuntutan bahagian makan tidak disediakan tertakluk kadar ditetapkan.

- Tempoh 24 jam atau lebih.
- Dikira mulai waktu bertolak.

## 2) ELAUN HARIAN (PARA 5.2)

Kadar separuh daripada kelayakan Elaun Makan.

Tempoh lebih lapan (8) jam dan kurang 24 jam.

- Tidak layak tuntutan jika kemudahan disediakan.
- Elaun Makan tidak boleh dibayar jika bertugas lebih tiga (3) bulan.



# KADAR ELAUN MAKAN

<b>Gred</b>	<b>Semenanjung Malaysia (RM)</b>	<b>Sabah, Sarawak dan Labuan (RM)</b>
<b>Utama/Khas 'A' dan ke atas</b>	<b>115.00</b>	<b>165.00</b>
<b>Utama/Khas 'B' dan 'C'</b>	<b>100.00</b>	<b>130.00</b>
<b>53 dan 54</b>	<b>85.00</b>	<b>115.00</b>
<b>45 hingga 52</b>	<b>60.00</b>	<b>80.00</b>
<b>41 hingga 44</b>	<b>45.00</b>	<b>65.00</b>
<b>17 hingga 40</b>	<b>40.00</b>	<b>55.00</b>
<b>1 hingga 16</b>	<b>35.00</b>	<b>50.00</b>



## KADAR BAHAGIAN MAKAN YANG LAYAK DITUNTUT

<b>Bahagian Elaun Makan</b>	<b>% daripada Elaun Makan</b>
<b>Sarapan Pagi</b>	<b>20</b>
<b>Makan Tengah Hari</b>	<b>40</b>
<b>Makan Malam</b>	<b>40</b>

## **BAYARAN SEWA HOTEL (PARA 5.3)**

**Tugas rasmi luar Ibu Pejabat, keperluan menginap & resit bayaran.**

**Tuntutan Bayaran Sewa Hotel bagi pegawai hendaklah berpatutan dan munasabah.**

**Kadar Bayaran Sewa Hotel melebihi kelayakan pegawai: Tidak melebihi 20% boleh diluluskan oleh Pegawai Pengawal.**

**Boleh tuntutan bayaran cukai perkhidmatan yang wajib ke atas sewa hotel.**

- **Tidak layak tuntutan jika kemudahan disediakan.**
- **Bayaran Sewa Hotel tidak boleh dibayar jika bertugas lebih tiga (3) bulan.**

## KADAR BAYARAN SEWA HOTEL

<b>Gred</b>	<b>Semenanjung Malaysia</b>	<b>Sabah, Sarawak &amp; Labuan</b>
<b>Utama/Khas A dan ke atas</b>	<b>Sebenar (Standard Suite)</b>	<b>Sebenar (Standard Suite)</b>
<b>Utama/Khas B dan C</b>	<b>Sebenar (Bilik Superior)</b>	<b>Sebenar (Bilik Superior)</b>
<b>53 dan 54</b>	<b>Sebenar (Bilik Biasa)</b>	<b>Sebenar (Bilik Biasa)</b>
<b>45 – 52</b>	<b>240</b>	<b>270</b>
<b>41 – 44</b>	<b>220</b>	<b>250</b>
<b>27 – 40</b>	<b>200</b>	<b>230</b>
<b>17 – 26</b>	<b>180</b>	<b>210</b>
<b>1 – 16</b>	<b>160</b>	<b>190</b>

## ELAUN LOJING (PARA 5.3)

Tanpa resit

Tempat menginap selain hotel atau rumah/bangunan yang disediakan kemudahan asas tempat tidur dan tandas seperti rumah kediaman.

Masjid/surau/kenderaan tidak termasuk dalam istilah lojing

**KADAR ELAUN LOJING**

<b>Gred</b>	<b>Semenanjung Malaysia</b>	<b>Sabah, Sarawak &amp; Labuan</b>
Utama/Khas A dan ke atas	80	85
Utama/Khas B dan C	75	80
53 dan 54	70	75
45 – 52	60	70
41 – 44	55	60
27 – 40	45	50
17 – 26	40	45
1 – 16	35	40

## ELAUN PERJALANAN KENDERAAN (PARA 5.7)

Layak tuntutan jika guna kenderaan sendiri di dalam atau luar Ibu Pejabat.

- Kenderaan sendiri bermaksud bukan kenderaan milik Kerajaan.

Pengecualian tuntutan Elaun Perjalanan bagi pegawai yang dikehendaki guna perkhidmatan kapal terbang/ kereta api (tempat yang boleh dihubungi terus) tetapi guna kenderaan sendiri.

- Jarak kedua-dua tempat kurang daripada 240 km
- perlu menjalankan tugas di beberapa tempat
- mustahak & terpaksa guna kenderaan sendiri
- mustahak & terpaksa guna kenderaan sendiri untuk bawa pegawai lain sebagai penumpang

Pelaksanaan mulai 1 Januari 2020: Kadar Elaun Perjalanan Kenderaan baharu.

- Kereta dan motorsikal.

# Kadar Elaun Perjalanan Kenderaan

Jarak	Kadar Mengikut Jenis Kenderaan (sen/km)	
	Kereta	Motorsikal
500 km pertama	85	55
501 km – dan seterusnya	75	45

## TAMBANG GANTIAN PARA 5.8

### Syarat

Pegawai menggunakan kenderaan sendiri

Tempat bertugas rasmi melebihi 240 km

Terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau kereta api

Hanya layak dituntut sekiranya **lebih menjimatkan** berbanding tuntutan perjalanan menggunakan kenderaan sendiri

### Kadar

Bersamaan dengan tambang kapal terbang atau kereta api

#### Apabila tuntutan Tambang Gantian TIDAK LAYAK:

- Perjalanan pergi balik rumah ke lapangan terbang/stesen kereta api;
- Tambang pergi balik lapangan terbang/stesen kereta api ke tempat penginapan;
- Cukai lapangan terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api.



Taksi/Kereta  
Sewa/Bas/  
Motobot/Jenis  
Pengangkutan lain  
dalam kategori ini

## TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM (PARA 5.11)

Kereta Api/Kapal  
Laut/jenis  
pengangkutan lain  
dalam kategori ini

Kereta yang disewa  
bukan pengangkutan  
awam & tidak tertakluk  
kepada peraturan ini.

Perkhidmatan *e-hailing*  
seperti Uber dan Grab car  
boleh tuntutan.

Tuntutan disokong  
dengan resit sekiranya  
resit ada dikeluarkan.

## BELANJA PELBAGAI (PARA 5.12)

Layak dituntut bertugas rasmi di dalam atau di luar Ibu Pejabat

Bayaran telefon, telegram, bayaran pos dan faks atas urusan rasmi

Bayaran *Excess Baggage* untuk barang rasmi  
(disokong dengan resit)

Belanja dobi jika menginap di luar Ibu Pejabat bagi tempoh tiga (3) malam ke atas  
(disokong dengan resit)

Bayaran letak kereta, tol dan tambang feri  
(disokong dengan resit)

Bayaran cukai lapangan terbang  
(disokong dengan resit)



**Terima Kasih**